



IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Selaras dengan misi membangun bakat holistik dan mensejahtera kehidupan menerusi ilmu dan inovasi teknologi, Universiti Teknologi Malaysia dengan ini mempelawa calon-calon yang berkeelayakan, berani dan komited dalam Menginovasi Penyelesaian secara Inovatif untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Selaras dengan misi membangun bakat holistik dan mensejahtera kehidupan menerusi ilmu dan inovasi teknologi, Universiti Teknologi Malaysia dengan ini mempelawa calon-calon yang berkeelayakan, berani dan komited dalam Menginovasi Penyelesaian secara Inovatif untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. **PEGAWAI TADBIR (GRED N12)**
2. **PEGAWAI TADBIR (GRED N10)**
3. **PUSTAKAWAN (GRED S14)**
4. **PUSTAKAWAN (GRED S12)**

SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperolehi markah 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini serta markah pada tahun ketiga hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%;
- c) melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- d) diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- e) bebas daripada hukuman tatatertib;
- f) telah mengisytiharkan harta dan masih dalam tempoh sah;
- g) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- h) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- i) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

SYARAT KHUSUS

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- b) Permohonan yang **tidak menurut peraturan, tidak lengkap** dan **diterima selepas tarikh tutup** tidak akan dipertimbangkan.

CARA MEMOHON

- (a) Layari <https://registrar.utm.my/bsm/career-development-utm/>
- (b) Muat turun borang - borang seperti berikut:
- Borang permohonan kenaikan pangkat dan senarai semak
 - Borang Tapisan Keutuhan SPRM
 - Borang *Conflict of Interest*
- (c) Lengkapkan dan serahkan **Borang Tapisan Keutuhan SPRM** kepada PP PSM PTJ untuk mendapatkan tarikh kelulusan SPRM.
- (d) Pemohon perlulah mengemukakan **Maklumat CV terkini** yang boleh dimuat turun daripada MyUTM Portal yang tertera pada modul maklumat peribadi (Profil Staf). CV tersebut perlulah dikemaskini (jika ada).
- (e) Melengkapkan permohonan kenaikan pangkat pada Google Form yang disediakan di pautan:

SKIM N

<https://forms.gle/EpK4dx8G1YV8odVj8>

SKIM S

<https://forms.gle/Jp9AodBuAsDVHt9H6>

- (f) Salinan borang permohonan kenaikan pangkat hendaklah dimajukan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan dihantar kepada urus setia seperti alamat di bawah:

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP:

**UNIT KEMAJUAN KERJAYA
SEKSYEN PERKHIDMATAN DAN SARAAN
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU**

TARIKH IKLAN : 26 Jun 2026 (Jumaat)
TARIKH TUTUP : 9 Julai 2026 (Khamis)

- (g) Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia dalam waktu pejabat di talian:
014-3896224 (En. Syahran)
011-39760227 (Pn. Nurul Alyeni)
Emel : kenaikanpangkat@utm.my

1. PEGAWAI TADBIR (GRED N12) - POST CTLD & JTNC (HEPA)

Skim Perkhidmatan : Pegawai Tadbir
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : N12

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM5,530.00	RM13,540.00	RM270.00

Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM550.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N12:

Pegawai Tadbir Gred N10 hakiki dan Gred N12 *one-off* adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N12 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan bagi penyandang Gred N10. Manakala bagi penyandang Gred N12 *one-off* telah berkhidmat **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** semasa di Gred N10.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kekosongan jawatan bagi urusan kenaikan pangkat dijangka melibatkan beberapa penempatan. Sehubungan itu, antara skop tugas dan kompetensi yang diperlukan bagi jawatan berkenaan adalah seperti berikut:

1. Pengurusan Latihan dan Pembangunan Bakat	1. Pengurusan latihan berasaskan kompetensi, analisis keperluan latihan (TNA), pembangunan modul latihan, serta analisis dan pengurusan data kompetensi menggunakan sistem berkaitan. 2. Mengamalkan nilai Integriti, Sinergi, Kecemerlangan dan Kelestarian (ISES) dalam penyampaian perkhidmatan serta pengurusan bakat. 3. Berkeupayaan dalam pengurusan strategik, penyeliaan pasukan, penyelesaian masalah dan pelaksanaan inisiatif pembangunan bakat secara berkesan.
2. Pengurusan Hal Ehwal Pelajar	1. Pengurusan hal ehwal pelajar meliputi tadbir urus aktiviti dan persatuan pelajar, kebajikan dan krisis mahasiswa, tatatertib pelajar, serta pembangunan jaringan alumni dan industri. 2. Mengamalkan nilai Integriti, Sinergi, Kecemerlangan dan Kelestarian (ISES) dalam pengurusan hal ehwal pelajar serta penyampaian perkhidmatan. 3. Berkeupayaan dalam komunikasi dan perundingan, pengurusan konflik, kecerdasan emosi, penyeliaan pasukan, serta pengurusan isu-isu berkaitan mahasiswa.
3. Pengurusan Sumber Manusia	1. Berpengetahuan dan berkemahiran dalam pengurusan sumber manusia meliputi perancangan dan pembangunan sumber manusia, pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi, pembangunan kompetensi, hubungan pekerja, tatatertib, saraan dan faedah, serta penggunaan sistem pengurusan sumber manusia. 2. Mengamalkan nilai Integriti, Sinergi, Kecemerlangan dan Kelestarian (ISES) dalam pelaksanaan dasar, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan sumber manusia. 3. Berkeupayaan memimpin dan menyelia pasukan, membuat keputusan berdasarkan peraturan dan data, menyelesaikan masalah, mengurus perubahan, berfikiran strategik serta berkomunikasi dan berunding dengan berkesan.

2. PEGAWAI TADBIR (GRED N10)

Skim Perkhidmatan : Pegawai Tadbir
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : N10

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM3,840.00	RM12,150.00	RM250.00

Imbuhan Tetap Perumahan : RM400.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM400.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N10:

Pegawai Tadbir Gred N9 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N10 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan bagi penyandang Gred N9.

KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN:

1. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan pentadbiran dan tadbir urus organisasi, mengamalkan Nilai Teras ISES UTM, serta berkeupayaan memimpin pasukan, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengurus perubahan secara berkesan.

3. PUSTAKAWAN (GRED S14)

Skim Perkhidmatan : Pustakawan
Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : S14

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM6,560.00	RM15,360.00	RM320.00

Imbuhan Tetap Perumahan : RM900.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM800.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED S14:

Pustakawan Gred S13 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S14 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya tiga (3)** tahun pada tarikh tutup iklan bagi penyandang Gred S13.

4. PUSTAKAWAN (GRED S12)

Skim Perkhidmatan : Pustakawan
Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : S12

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM5,530.00	RM13,540.00	RM270.00

Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM550.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED S12:

Pustakawan Gred S10 hakiki dan S12 *one-off* adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pustakawan Gred S12 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan bagi penyandang Gred S10. Manakala bagi penyandang Gred 12 one-off telah berkhidmat **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** semasa di Gred S10.